

Eksport perabot 70 peratus

► Sasaran MTIB menerusi ODM menjelang 2020

UB 13.3.2018 B6

Oleh SADDAM EDRIS

KOTAKINABALU: Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menyasarkan untuk mencapai pendapatan eksport perabot sebanyak 70 peratus melalui pengeluaran perabot ODM (Original Design Manufacturing) menjelang 2020.

Pengarah Bahagian Pembangunan Industri MTIB Mahpar B. Atan berkata, pihaknya yakin bahawa sasaran itu akan tercapai ekoran pengeluaran eksport perabot ODM mengalami peningkatan dari tahun ke tahun.

"Pada tahun 2017, eksport perabot meningkat berbanding 2016 iaitu kita berjaya mengeksport RM23.2 bilion kayu dan produk kayu yang mana 30 peratus keseluruhan eksport adalah dari negara kita.

"Daripada jumlah itu, RM10.14 bilion adalah hasil produk kategori perabot, Jadi kami sasar untuk beralih daripada pengeluaran kategori perabot OEM (original equipment manufacturing) kepada ODM pada 2020 dengan men-

capai pengeluaran sebanyak 70 peratus," katanya.


Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Seminar 'Professional Design Programme (PDP)' di Galeri Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Mahpar berkata keperluan untuk beralih kepada pengeluaran perabot ODM (Original Brand Manufacturing) di Sabah juga dilihat berpotensi tinggi untuk dimajukan pada masa akan datang.

Hal ini kerana katanya, rakyat negeri ini memiliki pelbagai kreativiti dan budaya yang boleh diketengahkan dalam industri pembuatan perabot yang menggunakan jenama dan reka bentuk sendiri.

"Justeru, saya harapkan seminar PDP ini mampu membuka kreativiti dan minda pelajar-pelajar kita untuk mengeluarkan produk reka bentuk sendiri pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS Profesor Dr Baba Musta berkata, satu memorandum persefahaman (MoU) antara UMS dan MTIB akan



BABA (dua kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada salah seorang panel yang hadir pada program berkenaan. Turut kelihatan Mahpar (kiri).

dijangka diadakan dalam masa terdekat ini.

Katanya, ia bagi mengeratkan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam usaha

"Pada tahun 2017, eksport perabot meningkat berbanding 2016 iaitu kita berjaya mengeksport RM23.2 bilion kayu dan produk kayu yang mana 30 peratus keseluruhan eksport adalah dari negara kita."

MAHPAR B.ATAN

Pengarah Bahagian Pembangunan Industri MTIB

ua-dua pihak dalam usaha memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan perkembangan teknologi industri kayu di negara ini melalui pelbagai aktiviti yang akan dirancang.

"Salah satunya adalah dengan mengadakan Program 3 Universiti 1 Industri (3U 1I) yang akan dilancarkan semasa pengambilan pelajar akan datang.

"Program ini melibatkan

20 pelajar yang terpilih untuk kita memberi peluang kepada mereka mengasah lagi kemahiran serta kreativiti sekaligus memberi peluang kepada mereka diserap di mana-mana syarikat mahupun industri perabot," katanya.

Terdahulu, seramai lima panel profesional reka bentuk perabot yang diundangkan khas dari luar negara hadir pada program berkenaan.



ANTARA peserta yang terdiri daripada pelajar UMS dan beberapa wakil dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang hadir pada program berkenaan.